

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID**  
**(KOTA TINGGI)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **03.11.2015**

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memaksimakan simpanan rakyat Malaysia di hari tua.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang berperanan menyediakan simpanan persaraan kepada ahli, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan simpanan

persaraan adalah mencukupi. Simpanan persaraan ini adalah bagi menampung perbelanjaan sepanjang tempoh persaraan yang semakin panjang kesan daripada peningkatan jangka hayat.

Bagi membantu ahli meningkatkan simpanan persaraan, KWSP telah menambah baik Skim KWSP seperti berikut :-

- a. Memperkenalkan pengeluaran pada umur 55 tahun yang lebih fleksibel di mana ahli boleh memilih bayaran pengeluaran sama ada secara sekaligus, bulanan, sebahagian kombinasi atau dividen tahunan sahaja;
- b. Meningkatkan kadar caruman majikan sebanyak 1% bagi pekerja yang menerima upah bulanan sebanyak RM5,000 dan kurang daripadanya;
- c. Mulai 1 Februari 2008, tempoh tanggungan mencarum (wajib) dilanjutkan daripada umur 55 tahun kepada 75 tahun, jika ahli masih bekerja;
- d. Caruman penuh sehingga umur 60 tahun selaras dengan umur persaraan minimum. Sekiranya masih bekerja lagi mulai umur 60 hingga 75 tahun, caruman wajib bagi pekerja dan majikan akan dikurangkan sebanyak 50%;

- e. Meningkatkan peratusan simpanan persaraan dalam Akaun 1 daripada 60% kepada 70%;
- f. Memperkenalkan Skim Persaraan 1 Malaysia (SP1M) pada tahun 2010 bagi membolehkan golongan yang bekerja sendiri atau mereka yang tiada pendapatan tetap mencarum secara sukarela kepada KWSP. Sebagai insentif, Kerajaan menyumbang 10% daripada caruman tertakluk kepada jumlah caruman maksimum RM120 sebulan; dan
- g. Pada 1 Julai 2014, KWSP telah memperkenalkan *Retirement Advisory Service* (RAS) yang bertujuan memberi khidmat nasihat persaraan kepada ahli dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan kepentingan perancangan persaraan dan kewangan. Perkhidmatan ini telah diperluaskan secara berperingkat di Pejabat Cawangan KWSP seluruh Malaysia semenjak diperkenalkan sehingga tahun 2017.